

23 MAR 2003

SUKAN: 100,000 PENONTON PENUHI LITAR F1 SEPANG

SEPANG, 23 Mac (Bernama) -- Jumlah penonton yang menyaksikan perlumbaan Formula One Grand Prix Petronas Malaysia 2003 meningkat kepada 100,000 orang berbanding 92,500 orang tahun lepas.

Pengerusi Litar Antarabangsa Sepang (SIC), Tan Sri Basir Ismail berkata jumlah penonton yang meningkat setiap tahun mencerminkan sambutan baik dan sokongan daripada penonton terhadap acara perlumbaan itu sejak diadakan di negara ini pada 1999.

Beliau berkata peningkatan itu juga menunjukkan keyakinan terutama dari penonton asing terhadap tahap keselamatan yang tinggi di SIC.

"Walaupun negara ini jauh dari perang di Iraq, tetapi bahang peperangan dan kebimbangan tetap dirasakan di sini. Tetapi jumlah penonton yang memenuhi litar menunjukkan keyakinan mereka dengan tahap keselamatan yang kita sediakan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata selain penonton di litar, perlumbaan hari ini yang disiarkan secara langsung ke seluruh dunia juga ditonton oleh kira-kira 300 juta penonton.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar selepas merasmikan perlumbaan hari ini berkata, jumlah penonton yang banyak menunjukkan negara adalah selamat kepada pelancong asing.

Beliau juga gembira kerana tiada kemalangan serius yang berlaku pada perlumbaan sebanyak 56 pusingan itu.

-- BERNAMA

ZAS ZAS HM